

# Anggota ditambah senjata dipermoden

17 SEP 1981

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Kerajaan akan melengkapkan pertahanan negara dengan pengambilan lebih ramai anggota dan pembelian peralatan senjata moden dan sofistikated dalam tempoh lima tahun ini.

Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan perlunya disusun strategi pertahanan dan pentadbiran pengurusan yang licin sesuai dengan pembesaran yang dirancang itu.

Berucap merasmikan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera di sini hari ini, beliau berkata kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang berat kepada keselamatan dan pertahanan negara.

Bagaimanapun, katanya, bagi mencapai objektif tersebut negara memerlukan pentadbiran pengurusan pertahanan yang cekap dan strategi pertahanan yang baik.

"Dengan adanya pengurusan yang cekap dan efektif dapatlah kita mengelak sebarang pembaziran dan mengurus kelengkapan serta kemudahan angkatan tentera dengan licin dan

teratur," jelas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyeru pegawai-pegawai perkhidmatan awam memahami keperluan dan masalah pertahanan negara dan angkatan tentera bagi memastikan pelaksanaan rancangan tersebut dilaksanakan dengan teratur.

## Menyeru

Pegawai-pegawai tentera juga, katanya, perlu memahami masalah pentadbiran awam sebagai asas persefahaman bagi mewujudkan sikap positif melicinkan rancangan pembangunan angkatan tentera.

Hadir di majlis bersejarah itu ialah Panglima Angkatan Tentera,

Jeneral Tan Sri Gnazan Mohd Seth, Panglima Tentera Udara Diraja, Jeneral Datuk Mohamad bin Taib, Ketua Polis Negara dan pegawai-pegawai kanan tentera.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan perlunya dipupuk persefahaman di kalangan polis, tentera dan perkhidmatan awam kerana ketiganya wujud untuk kepentingan negara.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa berhasrat meningkatkan lagi mutu profesionalisme perkhidmatan awam dan tentera.

"Kecekapan dan keupayaan serta kejujuran tiap-tiap perkhidmatan akan dapat membantu dalam usaha-usaha pembangunan negara," tegasnya.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, sebagai sebuah negara yang merdeka, Malaysia perlu mempunyai angkatan tentera yang cekap dan terlatih bagi memelihara kedaulatan dan keselamatan negara.

Oleh itu, jelasnya, latihan adalah penting dalam usaha membentuk satu angkatan tentera yang mampu melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna dan berkesan.